

15/05/2002

Sistem meritokrasi diputus hari ini

PUTRAJAYA, Selasa - Kerajaan akan memutuskan pada mesyuarat Kabinet esok sama ada untuk meneruskan penggunaan sistem merit bagi kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri meminta semua pihak supaya jangan menjadikan perkara itu sebagai isu perkauman kerana keresahan yang timbul mungkin disebabkan kekeliruan berikutan kurangnya penjelasan.

"Pendirian kerajaan mengenai isu ini akan diketahui esok," katanya di sini hari ini selepas menghadiri majlis penyerahan baton Jubli Ratu bagi merayakan ulang tahun ke-50 Ratu Elizabeth bersemayam sebagai Ratu United Kingdom dan sempena penganjuran Sukan Komanwel Ke-17 oleh Manchester.

Semalam, Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu berkata beliau akan membangkitkan isu itu pada mesyuarat Kabinet esok berikutan penurunan mendadak bilangan pelajar India yang layak memasuki IPTA tahun ini berdasarkan penggunaan sistem merit.

Jumaat lalu, Kementerian Pendidikan mengumumkan seramai 32,752 lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kelayakan setaraf termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera dipilih melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di 17 IPTA tahun ini.

Pemilihan kemasukan pelajar STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya bermula tahun ini dan bukan lagi sistem kuota mengikut kaum, yang memperuntukkan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera, 35 peratus Cina dan 15 peratus India, seperti yang diamalkan sebelum ini.

Dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Jumaat lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sistem kuota itu digunakan untuk tahun ini dan sama ada ia diteruskan pada masa akan datang, akan dibincangkan kemudian.

Menjawab satu pertanyaan, Abdullah berkata perkara itu tidak sepatutnya menjadi isu kerana pelajar mestilah mempunyai merit bagi membolehkannya memasuki IPTA.

"Formula meritokrasi ialah mengikut (siapa) yang ada merit, maka dia akan mendapat tempat," katanya ketika ditanya mengenai desakan pihak tertentu yang mahukan formula sistem yang digunakan untuk memilih pelajar ke IPTA dimaklumkan kepada orang ramai.

Beliau berkata, pelaksanaan sistem merit untuk kemasukan ke IPTA dibuat bukan dengan sesuka hati kerana kerajaan sedia maklum bahawa rakyat tidak boleh dibohongi.

"Saya tidak terfikir ada rahsia besar....(Menteri Pendidikan), Tan Sri Musa Mohamad, akan berupaya untuk menjelaskan nanti," katanya.

Semalam, Musa mengingatkan semua pihak supaya tidak mengaitkan isu perkauman dalam pelaksanaan sistem merit bagi pemilihan pelajar ke IPTA yang dimulakan tahun ini.

(END)